



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

LAKUAN BERBAHASA DALAM PERBUALAN GENERASI Y

MUHAMMAD AMIRUL BIN KAMARUDIN

FBMK 2021 40



**LAKUAN BERBAHASA DALAM PERBUALAN
GENERASI Y**

Oleh

MUHAMMAD AMIRUL BIN KAMARUDIN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

April 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

LAKUAN BERBAHASA DALAM PERBUALAN GENERASI Y

Oleh

MUHAMMAD AMIRUL BIN KAMARUDIN

April 2021

Pengerusi : Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Setiap ujaran yang telah dihasilkan oleh seseorang semasa berkomunikasi mempunyai bentuk lakuan bahasa tertentu. Lakuan bahasa terdiri daripada ujaran performatif yang melibatkan tujuan yang tersendiri, keinginan atau perjanjian. Namun kajian tentang lakuan bahasa yang melibatkan Generasi Y dalam perbualan secara lisan di institusi awam masih terhad dijalankan oleh pengkaji bahasa di negara ini. Bidang analisis perbualan telah dipilih sebagai fokus kajian untuk menganalisis bentuk lakuan bahasa yang digunakan oleh penutur bahasa. Justeru kajian ini dijalankan berdasarkan dua objektif kajian, iaitu untuk mengenal pasti bentuk lakuan bahasa lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam dan menganalisis bentuk lakuan bahasa lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam menggunakan Teori Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979). Setiap lakuan bahasa yang terhasil melalui ujaran terdiri daripada pelbagai jenis dan fungsi mengikut situasi penggunaannya. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian. Alat rakaman suara digunakan untuk merakam perbualan pelajar Generasi Y di institusi awam terpilih. Pemilihan 30 orang pelajar Generasi Y sebagai sampel kajian di institusi awam terpilih dilakukan menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Sebanyak lapan buah rakaman perbualan dijadikan data kajian. Data kajian daripada setiap rakaman perbualan telah ditranskripsi dan kemudian telah dianalisis secara kualitatif menggunakan Teori Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979). Hasil kajian mendapati keempat-empat bentuk lakuan bahasa Bach dan Harnish telah digunakan oleh Generasi Y di institusi awam. Hasil kajian juga mendapati bahawa sebanyak 46.8% lakuan bahasa pengumuman dan sebanyak 32.3% lakuan bahasa arahan yang telah digunakan adalah merupakan bentuk lakuan bahasa yang paling kerap digunakan oleh Generasi Y di institusi awam, diikuti oleh sebanyak 16.7% lakuan bahasa pengakuan dan sebanyak 4.2% lakuan bahasa perjanjian. Sebagai kesimpulan, kajian ini telah menunjukkan bahawa Generasi Y di institusi awam turut menggunakan bentuk lakuan bahasa dalam perbualan seharian mereka. Setiap lakuan bahasa yang digunakan oleh Generasi Y tersebut mempunyai fungsi atau tujuan yang tertentu.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

SPEECH ACT IN GENERATION Y CONVERSATIONS

By

MUHAMMAD AMIRUL BIN KAMARUDIN

April 2021

Chairman : Associate Professor Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

Every utterance that has been produced by a person while communicating has a certain form of speech act. Speech acts consist of performative utterances that involve a distinct purpose, desire or agreement. However studies on speech act involving Generation Y in oral conversation in public institutions are still limited conducted by language researchers in this country. The field of conversation analysis has been selected as the focus of the study to analyse the aspects of Speech Act used by language user. Thus this study was conducted based on two objectives, namely to identify forms of oral speech act among Generation Y students in public institutions and analyze forms of speech act among Generation Y students in public institutions using Bach and Harnish's Theory of Speech Act (1979). Every speech act produced through utterance consists of various types and functions according to the situation of its use. This study uses observational methods. Voice recorder has been used to record the conversations of Generation Y students at selected public institutions. The selection of 30 Generation Y student as the sample study in selected public institutions was done by using purposive sampling method. A total of eight conversation recordings were used as study data. The study data from each conversation recording were transcribed and then were analyzed qualitatively using Bach and Harnish's Theory of Speech Act (1979). The results of the study found that all four forms of Bach and Harnish's Theory of Speech Act (1979) were used by Generation Y in public institutions. The study also found that 46.8% of constatives speech act and 32.3% of directives speech act that has been used is the most frequently used form of speech act by Generation Y in public institutions, followed by 16.7% of acknowledgements speech act and 4.2% of commissives speech act. In conclusion, this study has shown that Generation Y in public institutions also use forms of speech act in their daily conversations. Each speech act used by Generation Y has a specific function or purpose.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah rahmat dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin. Nikmat kesihatan yang dikurniakan turut membantu saya untuk terus memberikan tumpuan yang baik dalam menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat serta meluangkan banyak masa dalam membantu saya untuk menyiapkan kajian ini. Bantuan yang diberikan sedikit sebanyak dapat membantu saya untuk memperbaiki kajian ini dari semasa ke semasa supaya menjadi lebih baik. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang banyak memberikan sokongan dan dorongan kepada saya dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat saya yang banyak memberi sokongan, bantuan dan tunjuk ajar dalam usaha menyiapkan kajian ini. Segala bantuan yang diberikan amat saya hargai. Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat termasuklah pensyarah, kakitangan fakulti dan pihak pengurusan yang turut terlibat membantu saya, memudahkan urusan saya dalam menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Diharapkan tesis ini sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada para penyelidik dan pencinta ilmu.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Amirul Bin Kamarudin
GS49941
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, Serdang

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Oktober 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah- Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalm tesis ini, dan intergriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Muhammad Amirul bin Kamarudin, GS49941

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa Profesor Madya
Penyeliaan: Dr. Zaitul Azma binti Zainon Hamzah

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Hajah Nor Azuwan binti Yaakob

SENARAI KANDUNGAN

	Muka Surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB	
1	
PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	3
Objektif Kajian	5
Persoalan Kajian	5
Kepentingan Kajian	5
Bidang Linguistik dan Lakuan Bahasa	5
Masyarakat	5
Pihak Institusi Pengajian Tinggi	6
Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	6
Pengkaji	6
Batasan Kajian	7
Definisi Operasional	8
Lakuan Bahasa	8
Generasi Y	8
Pelajar Universiti Putra Malaysia	9
Kesimpulan	9
2	
SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	10
Kajian Berkaitan Lakuan Bahasa	10
Kajian Berkaitan Generasi Y	22
Kajian Berkaitan TLB Bach & Harnish (1979)	25
Perkaitan Sorotan Literatur dengan Kajian Ini	27
Kesimpulan	27
3	
METODOLOGI	
Pengenalan	28
Reka Bentuk Kajian	28
Teori	28
TLB Bach & Harnish (1979)	28
Kerangka Teori	29
Kerangka Konseptual	33
Kaedah Kajian	34

	Populasi dan Persampelan	34
	Tempat Kajian	35
	Alat Kajian	36
	Penganalisan Data	36
	Kesimpulan	36
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
	Pengenalan	37
	Bentuk Lakuan Berbahasa Lisan dalam Kalangan Pelajar Generasi Y di Institusi Awam	37
	Analisis Bentuk Lakuan Berbahasa Lisan dalam Kalangan Pelajar Generasi Y di Institusi Awam	42
	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	65
	Kesimpulan	66
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Pengenalan	67
	Rumusan	67
	Implikasi Dapatan Kajian	68
	Cadangan Kajian Selanjutnya	69
	Penutup	70
	BIBLIOGRAFI	71
	LAMPIRAN	75
	BIODATA PELAJAR	98
	PENERBITAN	99

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Pengkategorian Lakuan Bahasa oleh Bach dan Harnish, 1979	30
3.2	Pecahan Sampel Kajian Beserta Topik Perbualan	35
4.1	Lakuan Bahasa yang Terlibat dalam Perbualan	38



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Teori Lakuan Bahasa Bach & Harnish (1979)	29
3.2	Kerangka Konseptual	33
4.1	Bentuk Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979)	37
4.2	Pengkategorian Lakuan Bahasa Bach & Harnish (1979)	43



SENARAI SINGKATAN

LB	Lakuan Bahasa
TLB	Teori Lakuan Bahasa
UPM	Universiti Putra Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Bahasa menjadi alat pertukaran maklumat yang sering kali digunakan oleh manusia apabila berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa juga menjadi medium terpenting kepada manusia kerana setiap pertuturan yang diujarkan menjadi kayu pengukur kepada pendengar untuk memahami setiap ujaran yang disampaikan oleh penutur. Dalam konteks komunikasi, sesetengah pendengar tidak mampu memahami maklumat asal yang ingin disampaikan oleh penutur apabila mereka tidak dapat merungkaikan maksud sebenar ujaran penutur.

Begitu juga dengan lakuan bahasa yang wujud dalam satu proses interaksi dan lazimnya terdapat di dalam sesuatu perbualan atau wacana. Setiap ujaran yang diluahkan oleh seseorang pengguna bahasa melibatkan aspek lakuan bahasa. Komunikasi seharian yang dilakukan oleh sesuatu komuniti bahasa melibatkan pelbagai interaksi yang merangkumi penggunaan pelbagai lakuan bahasa yang berlainan dari segi kategori dan fungsinya. Setiap lakuan bahasa memainkan peranan yang penting dalam setiap perbualan. Hal ini demikian kerana, setiap ujaran dalam perbualan mempunyai ungkapan yang berbeza lakuanannya iaitu sama ada untuk memberitahu, melarang, meminta, membuat perjanjian dan sebagainya. Seandainya pendengar tidak dapat memahami tujuan ujaran yang disampaikan oleh penutur, maka matlamat utama perbualan tersebut tidak berjaya dicapai.

Jika ingin memastikan sesuatu proses ujaran itu terjadi dan difahami oleh khalayak pendengar, sesuatu maksud maklumat dalam ujaran tersebut haruslah dibuat dalam bentuk bahasa atau perkataan yang mudah difahami. Hal ini demikian kerana, maklumat dalam ujaran tertentu dapat memberikan peluang kepada orang lain untuk mencipta maksud yang berbeza selain daripada mesej asal yang dimaksudkan oleh penutur. Menurut Aswadi Mohamad (2018) konsep dan pemikiran pengguna dalam menghasilkan sesuatu ujaran mempunyai kaitan dengan aspek bahasa. Hal ini demikian kerana konsep dan pemikiran tersebut akan bertindak sebagai kandungan bahasa. Tambahan pula, bahasa tersebut akan berfungsi sebagai alat komunikasi antara penutur dan pendengar. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa yang baik dapat menentukan keberhasilan sesuatu komunikasi. Penutur perlu menggunakan bahasa yang jelas supaya pendengar memahami mesej perbualan yang sedang dilakukan.

Lakuan bahasa akan wujud semasa ujaran tersebut dilakukan oleh seseorang. Ujaran lakuan bahasa terdiri daripada ujaran performatif yang melibatkan tujuan, keinginan atau maksud penutur semasa berkomunikasi (Amir Juhari, 2015). Menurut Aswadi Mohamad (2018), ujaran performatif tidak dapat diketahui kebenarannya hanya berpandukan kepada sesuatu fakta. Hal ini demikian kerana, ujaran tersebut lebih bersangkut paut dengan perbuatan atau tindakan penutur bahasa. Ujaran performatif bukan sahaja ujaran yang berperanan sebagai penyampai maklumat perbualan tetapi bertindak sebagai pelaksana ujaran seperti dalam perbualan yang diujarkan.

Ahmad Mahmood Musanif (1998) berpendapat bahawa semua komunikasi linguistik melibatkan lakuan bahasa. Hal ini demikian kerana, lakuan bahasa merupakan unit paling asas dalam aspek pengujaran sesuatu perkara dan hal ini berlaku semasa proses komunikasi dijalankan. Lakuan bahasa pada asasnya tidak terlibat dalam konteks komunikasi lisan sahaja, namun turut terkandung dalam aspek tulisan. Terdapat pelbagai jenis lakuan bahasa yang boleh diteliti sama ada dari segi lisan mahupun tulisan. Setiap aspek lakuan bahasa yang wujud dalam komunikasi lisan mahupun tulisan mempunyai peranan yang tersendiri. Hal ini boleh dilihat melalui konsep atau penggunaan aspek lakuan bahasa tersebut.

Dalam aspek pertuturan komunikasi lisan, lakuan bahasa memainkan peranan yang agak penting berdasarkan jenis dan fungsi lakuan bahasa tersebut. Setiap lakuan bahasa yang wujud dalam pertuturan dapat memberikan impak yang positif mahupun negatif. Perkara ini dapat ditentukan berdasarkan keberhasilan sesuatu ujaran yang dibualkan oleh penutur dan pendengar. Hal ini disokong dengan pendapat Idris Aman (2011) yang menyatakan bahawa lakuan bahasa berlaku berdasarkan daya ujaran (*force of utterance*) yang bertindak sebagai lakuan tutur (*speech acts*) yang berfungsi sebagai peluahan sesuatu sikap penutur perbualan. Jenis sikap yang diluahkan adalah selaras dengan jenis ujaran yang diujarkan. Keberhasilan daya sesuatu ujaran itu dapat ditentukan oleh pendengar itu sendiri sama ada pendengar memahami niat atau sikap penutur ujaran tersebut. Sebagai contoh, ujaran seperti “maafkan saya kerana tidak dapat meminjamkan wang kepada awak”. Ujaran tersebut terdiri daripada ujaran yang mempunyai lakuan tutur dari segi meminta maaf. Ujaran tersebut dapat menunjukkan sikap penutur yang bertindak sebagai luahan kekesalan atas sesuatu perkara yang telah berlaku. Oleh hal yang demikian, andai kata pendengar dapat memaafkan penutur setelah mendengar ujaran memohon maaf tersebut, hal ini menunjukkan bahawa pendengar memahami niat atau sikap penutur berdasarkan ujaran yang telah diluahkan.

Lakuan bahasa juga melibatkan ujaran yang dapat memberikan kesan yang baik kepada pendengar. Antara kesannya ialah pendengar dapat memahami setiap ujaran yang diluahkan oleh penutur. Hal ini bersangkut paut dengan ujaran saling memahami yang wujud dalam proses komunikasi. Seandainya pendengar dapat memahami ujaran tersebut, hal ini dapat menunjukkan bahawa komunikasi tersebut berhasil dengan baik. Setiap ujaran melibatkan aspek tindakan atau lakuan. Sekiranya pendengar memahami ujaran yang disampaikan oleh penutur, pendengar tersebut dapat memberi respons terhadap ujaran sebelumnya dengan menghasilkan lakuan atau tindakan yang baru. Dalam konteks situasi ini, setiap acara komunikasi yang dijalankan melibatkan kesefahaman antara penutur dan pendengar. Hal ini boleh dijelaskan lagi dengan pendapat Aminuddin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2016) iaitu setiap ujaran perbualan yang mudah difahami serta jelas dapat membantu pendengar dalam mendapatkan maklumat dan juga dapat mengelak daripada berlakunya sebarang konflik. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah mengenai lakuan bahasa melibatkan perbualan lisan yang dihasilkan oleh pengguna bahasa yang terdiri daripada Generasi Y. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memberikan tumpuan terhadap individu yang lahir antara tahun 1995 hingga 1997 sahaja. Sasaran pengkaji adalah terdiri daripada golongan pelajar di institusi awam. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada perbualan yang dilakukan oleh pelajar yang masih belajar di Universiti Putra Malaysia kampus Serdang, Selangor. Pengkaji mengkaji lakuan bahasa yang melibatkan pelajar Generasi Y berdasarkan perbualan yang diujarkan oleh mereka. Setiap pelajar mempunyai topik perbualan yang berbeza antara mereka dan topik perbualan tersebut adalah tidak terancang iaitu secara spontan. Oleh hal yang demikian,

setiap ujaran secara spontan tersebut sudah semestinya mempunyai pelbagai lakuan bahasa dan berbeza-beza fungsinya.

Pernyataan Masalah

Kajian tentang lakuan bahasa yang melibatkan Generasi Y terutamanya dalam kalangan pelajar di institusi awam kurang mendapat perhatian daripada pengkaji bahasa. Tidak ramai pengkaji bahasa yang menjalankan kajian tentang lakuan bahasa melibatkan perbualan secara lisan dalam kalangan pelajar. Hal ini boleh dilihat melalui kajian-kajian lepas seperti Abd Ganing Laenggang, Rohaidah Haron, Ab Razak Ab Karim (2019) pernah menjalankan kajian tentang lakuan bahasa ekspresi yang terdapat dalam 40 artikel Tun Dr. Mahathir. Kajian yang dijalankan adalah melibatkan teks dalam artikel dan kajian ini melibatkan aspek lakuan bahasa secara tulisan. Abd Ganing Laenggang (2018) turut menjalankan kajian tentang lakuan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat negeri Selangor. Pengkaji tersebut menganalisis aspek lakuan bahasa yang terdapat dalam teks bertulis khutbah tersebut.

Begitu juga dengan kajian tentang analisis lakuan tutur dalam ruangan status *Facebook* oleh Maslida Yusof dan Karim Harun (2015). Pengkaji tersebut telah mengkaji aspek lakuan tutur yang melibatkan teks iaitu melalui status yang ditulis dalam aplikasi media sosial tersebut. Oleh hal yang demikian, masih terhad kajian lakuan bahasa dilakukan oleh pengkaji tempatan terhadap generasi-generasi penduduk di negara ini terutamanya yang melibatkan perbualan secara lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y. Oleh itu, pengkaji mengambil peluang untuk mengisi kelompangan kajian tersebut dengan tujuan untuk mengenal pasti bentuk lakuan bahasa lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam terpilih. Generasi Y merupakan kelompok generasi yang boleh dikatakan merupakan kelompok awal yang mula terdedah dengan kemajuan teknologi terkini misalnya kemudahan aplikasi media sosial seperti *Whatsapp*, *Facebook* dan sebagainya. Dalam pada itu, pengkaji ingin menjalankan kajian ini atas keperluan untuk mengenal pasti lakuan bahasa yang paling kerap digunakan oleh pelajar Generasi Y dalam perbualan lisan mereka.

Kajian lakuan bahasa melibatkan pelajar universiti telah dijalankan oleh Normah Ahmad, Amirah Ahmad dan G. Sharina Shahrudin (2020) melibatkan lakuan permintaan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan Kaedah Tugas Penyempurnaan Wacana (TPW) dan Kategori Permintaan oleh Blum Kulka, House dan Kasper (1989), Strategi Permintaan oleh Hassall (2003) dan Prinsip Kesantunan Asmah (2000) telah digunakan sebagai asas teori dalam menganalisis data kajian. Pengkaji turut menjalankan kajian yang melibatkan pelajar universiti dan boleh dikatakan pelajar universiti tahun terkini dikategorikan sebagai Generasi Y. Kajian ini melibatkan pelajar universiti namun kaedah kajian dan teori kajian adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu rakaman suara perbualan dan Teori Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979). Oleh itu, atas faktor ketidaksamaan tersebut, pengkaji mengambil peluang yang ada untuk menjalankan kajian ini dengan tujuan memperoleh dapatan kajian yang berlainan. Dalam pada itu, pengkaji menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis penggunaan lakuan bahasa secara lisan oleh pelajar Generasi Y memandangkan kajian oleh Normah Ahmad et al. (2020) melibatkan aspek teks sedangkan kajian pengkaji memfokuskan aspek lisan dalam perbualan secara tidak terancang. Pengkaji seterusnya menganalisis bentuk lakuan bahasa

lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam dengan menggunakan teori dan kaedah yang berbeza berbanding kajian lepas oleh Normah Ahmad et al. (2020)

Al-Azmi Bakar, Maarof Idris & Gunaseelan A/L Munusamy (2016) mengatakan bahawa Generasi Y yang turut dikenali sebagai 'generasi millennium' merupakan kelompok generasi manusia yang sering mendapat tumpuan masyarakat kerana terkenal dengan sifat-sifat seperti berfikiran di luar kotak (*think out of the box*), bebas bersuara, dan celik teknologi terkini (IT Savvy). Keunikan Generasi Y ini telah membezakan mereka dengan kelompok-kelompok generasi terdahulu. Setiap ujaran yang diluahkan oleh penutur pelbagai generasi kadang kala mempunyai pelbagai tafsiran makna oleh pendengar. Perkara tersebut boleh dipengaruhi oleh konteks makna berdasarkan situasi atau topik perbualan. Pendengar sering kali akan memberikan respon atau maklum balas terhadap sesuatu perkara yang diujarkan oleh penutur. Namun begitu, setiap ujaran balas yang diluahkan oleh pendengar belum tentu memenuhi niat asal ujaran yang dimaksudkan oleh penutur. Hal ini demikian kerana faktor penerimaan makna ujaran yang disampaikan oleh seseorang turut dipengaruhi oleh nada suara dan kandungan ujaran perbualan tersebut. Ujaran yang mempunyai pelbagai tafsiran makna boleh mempengaruhi pendengar dalam proses memberikan maklum balas sama ada benar atau salah. Oleh itu, kajian dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam terpilih ini boleh dijalankan untuk mengetahui tahap penggunaan bentuk lakuan bahasa dalam masyarakat Generasi Y terutamanya dari aspek lisan.

Hazwani Nordin & Dalbir Singh (2016) pernah menjalankan kajian tentang Generasi Y di institusi awam. Namun begitu, pengkaji tersebut menjalankan kajian berkaitan e-pembelajaran di institusi pengajian tinggi dari perspektif Generasi Y dan budaya. Kajian tersebut lebih berfokus kepada pembelajaran secara digital yang melibatkan pelajar Generasi Y. Kajian lakuan bahasa yang melibatkan perbualan secara lisan dalam kalangan Generasi Y boleh dikaji memandangkan kajian terdahulu lebih berfokus kepada aspek pembelajaran secara digital. Oleh itu, bertitik tolak daripada kajian tersebut, pengkaji ingin mengkaji bentuk lakuan bahasa yang melibatkan Generasi Y dari sudut perbualan secara tidak terancang. Kajian lakuan bahasa yang melibatkan pelajar Generasi Y ini dapat menunjukkan keberkesanan penggunaan lakuan bahasa dalam proses komunikasi. Hal ini demikian kerana, boleh dikatakan tidak semua penutur bahasa memahami atau mengetahui bahawa mereka telah mewujudkan lakuan bahasa semasa bertutur dengan pihak lawan tutur. Melalui pemerhatian pengkaji, telah berlaku situasi di mana penutur tersebut tidak menyedari bahawa beliau telah mewujudkan lakuan bahasa perjanjian semasa berkomunikasi. Hal ini telah memberikan ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian yang melibatkan perbualan pelajar Generasi Y di institusi awam tersebut.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu, pengkaji mendapati bahawa kajian lakuan bahasa yang melibatkan perbualan lisan pelajar Generasi Y belum mendapat sambutan daripada pengkaji-pengkaji bahasa terdahulu. Oleh hal yang demikian, pengkaji menggunakan lompong kajian ini dalam usaha menjalankan kajian tentang lakuan bahasa perbualan pelajar Generasi Y. Tambahan pula, dengan adanya kajian tersebut secara tidak langsung dapat menyumbang kepada penambahan bilangan kajian lakuan bahasa sedia ada di Malaysia.

Objektif Kajian

Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan, pengkaji telah menetapkan dua objektif kajian iaitu:

- i. Mengetahui bentuk lakuan bahasa lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam.
- ii. Menganalisis bentuk lakuan bahasa lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah bentuk lakuan bahasa lisan yang digunakan pelajar Generasi Y di institusi awam?
- ii. Apakah lakuan bahasa lisan yang paling kerap digunakan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam?
- iii. Bagaimanakah lakuan bahasa lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam dianalisis berdasarkan Teori Lakuan Bahasa Bach dan Harnish (1979)?

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk bidang linguistik dan bahasa, masyarakat, pihak institusi pengajian tinggi, pelajar institusi pengajian tinggi dan pengkaji sendiri tentang lakuan bahasa lisan yang terdapat dalam perbualan secara tidak terancang oleh pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi sama ada awam mahupun swasta.

Bidang Linguistik dan Lakuan Bahasa

Kajian ini memberi manfaat dan sumbangan kepada penelitian bidang linguistik dan lakuan bahasa yang hendaklah diberikan tumpuan dan perkembangan dari semasa ke semasa, sesuai dengan perubahan teknologi dan masyarakatnya. Linguistik yang seiring dengan zaman ini, dapat membentuk ilmu linguistik dan lakuan bahasa yang semakin kukuh dan difahami untuk digunakan oleh masyarakatnya secara standard dan berkesan.

Masyarakat

Kajian ini dijalankan adalah untuk membantu masyarakat untuk memahami bentuk

lakuan bahasa yang sering kali digunakan oleh Generasi Y terutamanya golongan pelajar di institusi awam. Hasil kajian ini secara tidak langsung dapat memberikan sedikit gambaran kepada masyarakat tentang lakuan bahasa yang wujud dalam konteks komunikasi pada masa ini. Masyarakat Malaysia juga boleh mempraktikkan bentuk lakuan bahasa dalam setiap perbualan yang dijalankan. Hal ini demikian kerana, bentuk lakuan bahasa memainkan peranan penting dalam menentukan keberhasilan sesuatu komunikasi perbualan yang dijalankan.

Pihak Institusi Pengajian Tinggi

Kajian ini dijalankan adalah untuk memberikan gambaran tentang fenomena lakuan bahasa yang berlaku dalam perbualan Generasi Y terutamanya di institusi awam. bentuk lakuan bahasa yang wujud dalam perbualan pelajar Generasi Y di institusi awam tidak terkecuali dalam melibatkan pihak lain seperti pensyarah-pensyarah, staf-staf di institusi pengajian tinggi tersebut. Hal ini demikian kerana, golongan pelajar tersebut juga akan berkomunikasi dengan pihak lain dalam sesuatu situasi pertuturan. Oleh itu, kajian ini juga dapat menyumbang sedikit sebanyak pengetahuan tentang lakuan bahasa yang wujud dalam perbualan pelajar di tempat pengajian.

Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

Kajian ini dijalankan adalah untuk membantu golongan pelajar dalam membuat rujukan tentang kajian lakuan bahasa. Hal ini demikian kerana, hasil kajian ini dapat didokumentasikan dan dijadikan bahan rujukan pada masa akan datang. Secara tidak langsung, penambahan sumber rujukan tentang kajian ini dapat memudahkan para pelajar untuk memahami aspek lakuan bahasa yang wujud dalam kehidupan seharian mereka. Tambahan pula, kajian ini juga dapat memberikan gambaran penggunaan bentuk lakuan bahasa dalam perbualan yang melibatkan golongan pelajar. Pelajar-pelajar tersebut dapat mempraktikkan bentuk lakuan bahasa semasa berinteraksi dengan rakan-rakan mereka.

Pengkaji

Kajian yang dijalankan ini juga memberikan kepentingan kepada pengkaji. Hal ini demikian kerana pengkaji berpeluang untuk mengenal pasti bentuk lakuan bahasa yang sering kali digunakan oleh generasi muda iaitu Generasi Y terutamanya dalam perbualan seharian. Pemilihan bentuk lakuan bahasa yang tepat dalam proses komunikasi dapat memberikan impak yang positif kepada penutur kerana hal ini dapat mewujudkan suasana perbualan yang baik dan menarik. Di samping itu, pengkaji juga boleh menerapkan bentuk lakuan bahasa yang betul semasa berkomunikasi dengan penutur lain memandangkan pengkaji juga merupakan kelompok individu daripada generasi Y.

Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan ini memberikan tumpuan terhadap lakuan bahasa lisan yang terdapat dalam perbualan pelajar Generasi Y di sebuah institusi awam terpilih. Kelompok pelajar yang menjadi sasaran pengkaji adalah terdiri daripada individu yang tergolong dalam kelompok Generasi Y. Pengkaji telah memilih sampel kajian yang terdiri daripada pelajar Generasi Y yang lahir pada tahun 1995 hingga 1997, iaitu yang berumur antara 21 hingga 23 tahun. Golongan pelajar tersebut adalah terdiri daripada pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) kampus Serdang. Pengkaji mengambil sampel kajian yang terdiri daripada pelajar UPM adalah kerana Universiti Putra Malaysia yang merupakan salah sebuah universiti penyelidikan (RU) dipilih mewakili sebuah universiti awam.

Pengambilan sampel kajian sebanyak 30 orang pelajar Generasi Y adalah menggunakan teknik persampelan bertujuan tanpa dibatasi oleh faktor jantina, agama dan juga bangsa. Pemilihan sampel kajian sebanyak 30 orang ini juga adalah berdasarkan pemerhatian pengkaji iaitu 30 orang pelajar Generasi Y ini didapati aktif dan sentiasa berada di kafetaria iaitu lokasi pengumpulan data. Pelajar-pelajar ini juga mempunyai karakter Generasi Y iaitu lantang bersuara dan sentiasa berbincang dalam kumpulan masing-masing. Selain itu, pelajar-pelajar Generasi Y ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri berbanding generasi lain, iaitu mereka sentiasa berfikiran di luar kotak apabila berkomunikasi dan juga celik teknologi terkini.

Pengumpulan data menggunakan kaedah pemerhatian dibuat pada waktu tengah hari, iaitu antara pukul 12.00 tengah hari hingga pukul 2.30 petang. Tambahan pula, waktu tersebut boleh dikatakan waktu kemuncak bagi pelajar kerana waktu tersebut adalah waktu rehat makan tengah hari. Dalam tempoh tersebut, bilangan pelajar yang datang ke kafetaria adalah ramai dan 30 orang pelajar Generasi Y yang dipilih sebagai sampel sentiasa hadir dan hal ini memudahkan pengkaji untuk merakam perbualan 30 orang pelajar Generasi Y untuk dijadikan data kajian ini.

Dalam kajian ini, pengkaji menfokuskan kajian bentuk lakuan bahasa yang terdapat dalam perbualan 30 orang pelajar Generasi Y yang dipilih. Perbualan yang dijalankan oleh sampel kajian tersebut adalah secara tidak terancang atau spontan, iaitu tidak mempunyai topik perbualan secara khusus. Hal ini menunjukkan bahawa setiap rakaman perbualan tersebut mempunyai kandungan perbualan yang berbeza-beza. Pengkaji akan mengkaji bentuk lakuan bahasa yang melibatkan pertuturan pelajar tersebut. Hal ini demikian kerana setiap ujaran yang dihasilkan oleh mereka sudah semestinya mempunyai fungsi lakuan bahasa yang mengikut konteks situasi tertentu.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori Lakuan Bahasa oleh Bach dan Harnish (1979) dalam proses mengenal pasti dan menganalisis lakuan bahasa yang terdapat dalam perbualan 30 orang pelajar Generasi Y tersebut. Bentuk lakuan bahasa yang difokuskan mengikut pengkategorian teori tersebut adalah terdiri daripada empat lakuan bahasa iaitu pengumuman, arahan, perjanjian dan pengakuan. Setiap lakuan bahasa tersebut mempunyai fungsi atau peranan yang tersendiri mengikut konteks penggunaannya.

Definisi Operasional

Bahagian ini memberikan definisi operasional lakuan bahasa, Generasi Y dan pelajar Generasi Y di Universiti Putra Malaysia.

Lakuan Bahasa

Lakuan bahasa merupakan medium komunikasi yang menghubungkan sesuatu ujaran dengan makna tertentu mengikut konteks situasi tertentu dan lakuan bahasa yang dihasilkan turut membentuk tindakan selanjutnya. Lakuan bahasa terdiri daripada pelbagai jenis dan setiap lakuan bahasa tersebut memainkan fungsi yang berbeza. Antara lakuan bahasa yang dapat dikenal pasti adalah seperti lakuan bahasa pengumuman, arahan, pengakuan dan perjanjian. Sebagai contoh, lakuan bahasa perjanjian dapat dilihat dari segi ujaran “Esok saya janji akan pulangkan buku awak”. Dalam konteks pertuturan ini, si penutur bukan sahaja menyatakan sesuatu maklumat tetapi penutur tersebut telah membuat satu tindakan daripada perbualan tersebut iaitu berjanji akan pulangkan sesuatu kepada pendengar keesokan harinya. Lakuan bahasa merupakan bentuk bahasa yang dihasilkan untuk membentuk tindakan dan tidak melibatkan aspek nahu yang lain.

Dalam konteks kajian ini, setiap lakuan bahasa yang telah diujarkan oleh sampel kajian yang terdiri daripada pelajar Generasi Y mempunyai fungsi tertentu. Setiap lakuan bahasa yang dihasilkan oleh mereka semasa dalam proses perbualan memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap keberkesanan penggunaan bentuk lakuan bahasa. Setiap lakuan bahasa melibatkan aspek ujaran yang saling memahami antara satu sama lain. Hal ini disebabkan oleh faktor penerimaan oleh pendengar terhadap ujaran yang dihasilkan oleh penutur. Setiap ujaran yang difahami oleh pendengar dapat memberikan kesan yang baik terhadap aktiviti komunikasi yang dijalankan oleh mereka. Hal ini juga dapat mengelak daripada berlakunya sebarang konflik semasa ujaran dihasilkan. Apabila pendengar memahami ujaran yang dihasilkan oleh penutur tersebut, pendengar dapat memberikan respon yang pantas terhadap ujaran yang telah didengari olehnya. Setiap respon oleh pendengar tersebut juga sudah semestinya mempunyai bentuk lakuan bahasa. Setiap ujaran ringkas yang diluahkan oleh seseorang sebenarnya mempunyai lakuan bahasa yang tersendiri.

Generasi Y

Generasi merupakan kelompok individu atau masyarakat yang lahir dalam sesuatu tempoh tahun. Setiap generasi terdiri daripada kelompok manusia yang berbeza peringkat umur. Generasi Y terdiri daripada golongan masyarakat yang lahir antara tahun 1977 hingga tahun 1997 (Don Tapscott, 1999). Kelompok ini diklasifikasikan sebagai generasi awal yang terdedah dengan kemajuan teknologi maklumat setanding dengan peredaran masa. Semakin canggih sesuatu teknologi, semakin berkembang maju sesuatu kelompok generasi tersebut. Hal ini dapat dijelaskan lagi dengan situasi di mana Generasi Y pada masa ini tidak asing dengan kemudahan peranti elektronik seperti telefon pintar dan juga kemajuan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya. Generasi Y ini terdiri daripada individu yang berumur antara 21 tahun hingga 41 tahun.

Dalam konteks kajian ini, Generasi Y yang telah dipilih oleh pengkaji terdiri daripada kelompok masyarakat yang berumur antara 21 hingga 23 tahun dan kelompok ini juga dikenali sebagai kelompok generasi yang mempunyai ciri-ciri yang baik seperti bebas untuk bersuara, mampu berfikir di luar kotak dan sebagainya. Kelompok generasi ini sudah terbiasa dengan persekitaran luar dan merupakan generasi yang berani mencuba sesuatu yang baru. Kajian ini melibatkan Generasi Y yang merangkumi pelajar-pelajar di institusi awam yang sedang aktif. Generasi Y yang terpilih turut menggunakan bentuk lakuan bahasa semasa berkomunikasi antara rakan-rakan mereka. Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji penggunaan lakuan bahasa yang terdapat dalam perbualan Generasi Y tersebut.

Pelajar Generasi Y, Universiti Putra Malaysia

Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan universiti awam yang mempunyai dua kampus iaitu kampus di Serdang, Selangor dan di Bintulu, Sarawak. Pelajar UPM terdiri daripada pelbagai peringkat pengajian iaitu asasi, diploma, bachelar, sarjana (master) dan juga doktor falsafah (PhD). Pelajar-pelajar di UPM bukan sahaja terdiri daripada individu yang tinggal di Malaysia malahan juga melibatkan individu dari pelbagai negara seperti Iran, China, Indonesia, Nigeria dan sebagainya. UPM merupakan universiti penyelidikan yang mempunyai pelbagai program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar.

Dalam konteks kajian ini, pelajar Generasi Y, Universiti Putra Malaysia yang telah dipilih sebagai sampel oleh pengkaji adalah terdiri daripada pelajar peringkat bachelar yang berumur antara 21 hingga 23 tahun. Mengikut peredaran masa, kelompok umur tersebut sedang mengikuti pengajian dan masih aktif di UPM. Pemilihan pelajar-pelajar Generasi Y ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian pengkaji iaitu ingin mengenal pasti dan menganalisis bentuk lakuan bahasa lisan dalam kalangan pelajar Generasi Y di institusi awam terpilih. Setiap pelajar tersebut didapati menggunakan lakuan bahasa semasa berkomunikasi seperti lakuan bahasa permintaan, perjanjian dan sebagainya. Setiap lakuan bahasa yang digunakan oleh pelajar Generasi Y ini mempunyai tujuan tertentu berdasarkan konteks situasi komunikasi yang telah dijalankan oleh mereka.

Kesimpulan

Berdasarkan bab ini, kajian ini mendapati bahawa lakuan bahasa dalam perbualan lisan golongan Generasi Y yang terdiri daripada pelajar institusi awam dapat memberikan gambaran tentang bentuk lakuan bahasa yang sering kali digunakan oleh golongan tersebut. Jelaslah kajian ini dapat menunjukkan sedikit sebanyak lakuan bahasa yang terdapat dalam perbualan seharian pelajar. Setiap lakuan bahasa tersebut memainkan peranan atau fungsi yang tersendiri mengikut konteks situasi pertuturan. Oleh hal yang demikian, lakuan bahasa merupakan aspek yang penting dalam sesuatu perbualan kerana setiap lakuan bahasa tersebut boleh menentukan keberhasilan sesuatu pertuturan. Hal ini demikian kerana, seandainya pendengar tidak memahami mesej perbualan yang ditutur oleh penutur, maka perbualan tersebut sudah semestinya tidak mendapat satu hasil yang dikehendaki oleh penutur. Lakuan bahasa tersebut akan melibatkan ujaran yang menggambarkan tindakan yang perlu dilakukan oleh seseorang penutur mahupun pendengar. Bab seterusnya akan membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji.

BIBLIOGRAFI


- Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron, Ab Razak Ab Karim. (2019). Lakuan Bahasa Ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet.cc. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 4 (5), 19-27.
- Abd Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim & Riduan Makhtar. (2019). Lakuan Bahasa Kritikan dalam Forum Wacana Sinar Harian. *Jurnal Melayu*, Bil 18 (2), 147-163. Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Ganing Laengkang. (2018). Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, Bil 2 (1), 1-18.
- Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron & Ab. Razak Ab. Karim. (2018). Kajian Lakuan Bahasa Di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *e-Prosiding Seminar Falsafah dan Tamadun 2018*. Universiti Sains Malaysia. 360-366.
- Adenan Ayob & Abdullah Yusof. (2010). *Psikolinguistik*. Perak: Emeritus Publications.
- Ahmad Mahmood Musanif. (1998). Tanya Jawab dalam Novel Salina: Satu Kajian Berdasarkan Teori Lakuan Petuturan. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Malaya.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2000). Konsep Pertanyaan Berdasarkan Teori Lakuan Petuturan Melayu. *Dewan Bahasa*. 44 (12), 318-329.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hasaan. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan : Edisi Kemas Kini*. Selangor Darul Ehsan: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Al-Azmi Bakar, Maarof Idris & Gunaseelan Munusamy. (2016). Kajian Persepsi Generasi Y Terhadap Ketua: Kajian ke atas Kumpulan Pengurusan Dan Profesional di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Agensi. *Journal of Techno-Social*, Vol 8 (1), 59-79. Penerbit UTHM, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Pentafsiran Makna dalam Ujaran Saling Memahami. *Jurnal Linguistik*, Vol. 20 (2), 33-41.
- Amir Juhari. (2015). Lakuan Petuturan dalam Mesyuarat Pengurusan. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan Lakuan Petuturan Dalam Mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, Vol. 19 (1), 48-57.
- Asmah Hj. Omar. (1997). *Wacana Temuduga dan Wawancara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Hj. Omar. (2015). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aswadi Mohamad. (2018). Lakuan Bahasa Mengenai Peristiwa Banjir dalam Kalangan Masyarakat di Kelantan, Malaysia. *Tesis Ijazah Sarjana*, Universiti Putra Malaysia.
- Aswadi Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Struktur Bahasa dalam Situasi Banjir di Kelantan dari Sudut Lakuan Pertuturan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol 3 (3), 17-25.
- Austin, J. L. (1962). *How to Do Things with Words*. Oxford: Havard University Press.
- Bach, K., & Harnish, R.M. (1979). *Linguistic Communication and Speech Acts*. Cambridge & London: The MIT Press.
- Blakemore, D. (1992). *Understanding Utterance: An Introduction to Pragmatics*. Oxford: Blackwell Publisher.
- Farah Hanan Md Anuar. (2014). Kemampuan Pemilikan Perumahan bagi Generasi Y. *Tesis Ijazah Sarjana*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hafiza Abas, Rahmah Lob Yussof, Zulkifli Tukiman, Roslinda Ramli, Aminudin Hehsan & Badlihisam Mohd Nasir. (2017). Apps: Platform Dakwah untuk Generasi Y dan Z. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah Ke-3*. 1-11.
- Hairol Anuar Mak Din. (2017). Klasifikasi Generasi di Malaysia dlm. E-Prosiding PASAK 2, Jilid 3, *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Haslinda Saad. (2012). Lakuan Pertuturan dalam Wacana Wawancara. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- Haslinda Saad & Ahmad Mahmood Musanif. (2014). Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, Vol 1(1), 101-119. Penerbit UPM, Universiti Putra Malaysia.
- Hassal, T., (1999). "Request Strategies in Indonesian". *Pragmatics* 4, 585-606.
- Hassal, T., (2003). "Requests by Australian Learners of Indonesian". *Pragmatics* 35,1903-1928.
- Hazwani Nordin & Dalbir Singh. (2016). E-Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Dari Perspektif Generasi Y dan Budaya. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*, Vol 8 (2), 16-34, Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hussin Sarif. (2009). Keimplisitan Ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari Sudut Pragmatik. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.

- Idris Aman. (2011). Mengurus Wacana dan Kepimpinan: Analisis Ucapan Sulung Perdana Menteri Baharu Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 11 (2), 235-272. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junita Friska. (2010). Tindak Tutur Penutur Bahasa Jawa. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VI*, 366-371. Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlyna Maros. (2007). Penyelidikan Lakuan Bahasa: Pemilihan Kaedah dan Pola Penemuan. *Jurnal Akademika*, Vol 71 (1), 91-115. Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marlyna Maros & Mohd. Baharim Mayidin. (2010). Lakuan Bahasa Sapaan di Pusat Membeli Belah: Jenis, Fungsi dan Persepsi. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VI*, 73-85. Universiti Putra Malaysia.
- Marlyna Maros. (2011). *Kepelbagaian Dimensi Linguistik. Membina Set Lakuan Bahasa: Komplin dalam Bahasa Melayu*, 191-202. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis Lakuan Tutur dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi* Jilid 31 (2): 151-168. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslida Yusof, Marlyna Maros & Muhammad Fadzeli Jaafar. (2011). Oops.. Maaf: Strategi Kesopanan dan Penebus Kesalahan. *Jurnal Melayu*, Vol 8, 27-50. Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Yusmilayati Yunos & Muhd Norizam Jamian. (2017). Generasi Z Dan Warisan Budaya. *Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. 22-27.
- Muammar Ghaddafi Hanafiah, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Yusmilayati Yunos & Muhd Norizam Jamian. (2017). Etos Melayu Dalam Pembentukan Generasi Z. *Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*. 34-39.
- Nasariah Mansor, Faizah Ahmad & Yusniza Yaakub. (2010). Kesantunan Bahasa dalam Kalangan Pelajar IPT: Satu Kajian Perbandingan Etnik. *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010), Political Managements and Policies in Malaysia, Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts*, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 337-352.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norhasliza Ramli, Norfazila Ab. Hamid & Riduan Makhtar. (2019). Lakuan Tuturan Ilokusi dan Perlokusi dalam Penamaan Wifi: Satu Pemerhatian. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol.16 (2), 1-9. e-Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Normah Ahmad, Amirah Ahmad & G. Sharina Shaharuddin. (2020). Lakuan Bahasa Permintaan Dalam Kalangan Pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*, Vol 24 (2), 1-26.
- Nur Jannah Ab Rahman & Maslida Yusof. (2017). Strategi Berkomunikasi Generasi Muda Melayu: Analisis Lakuan Bahasa Penolakan. *Jurnal Melayu*, 354-357. Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusof. (2019). Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama. *Jurnal Akademika*, Vol 89 (1), 41-53. Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruth Ong Lok Tik. (2005). Analisis Lakuan Komunikatif Pemandu Pelancong semasa Bertugas. *Jurnal Bahasa*, Vol 5(4), 109-146.
- Searle. J. R. (1962). *Meaning and Speech Acts*. London: Duke University Press.
- Searle. J. R. (1969). *Speech Acts an Essay in The Philosophy of Language*. Cambridge University Press. London.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu I Edisi Kedua*. Oxford Pelajar Sdn. Bhd. Selangor Darul Ehsan.
- Van Peursem, K.A Locke, J.L dan Harnisch, N.P. (2001). Audit Standard Analysis: An Illocutionary Perspective on the New Zealand going concern standard. *Kertas kerja yang dibentangkan di Asia Pacific Interdisciplinary Research in Accounting Conference*. Adelaide.
- Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Abdul Wahab & Siti Marina Kamil. (2010). Penggunaan Bahasa dalam Sesi Kaunseling dari Sudut Lakuan Bahasa. *Jurnal Bahasa*, 10 (1), 54-73. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, Kamariah Kamarudin, Pabiyah Toklubok @ Hajimaming & Nor Azuwan Yaakob. (2019). Bahasa Media Sosial Hari ini Memisahkan Generasi X dan Y. *Jurnal Linguistik*, Vol. 23 (1), 58-69.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof & Karim Harun. (2017). Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih dalam Komunikasi di Bilik Darjah. *Jurnal Melayu*, Bil 16 (2), 163-178. Penerbit UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.

BIODATA PELAJAR



Muhammad Amirul Bin Kamarudin merupakan anak jati kelahiran Pulau Pinang. Beliau mendapat asas pendidikan sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Mengkuang dan menduduki Ujian Penilaian Menengah Rendah (UPSR) pada tahun 2005. Selepas itu, beliau menyambung pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkuang. Beliau menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2008 dan kemudian menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2010. Seterusnya beliau menyambung pengajian di Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti dan menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada tahun 2012. Beliau dianugerahkan Pelajar Terbaik STPM bagi tahun tersebut dan hasil kejayaan ini telah melayakkan beliau untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah di Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Bachelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu). Beliau berjaya menamatkan pengajian peringkat ijazah bachelordengan kepujian kelas kedua pada tahun 2017. Seterusnya, beliau menyambung pengajian di peringkat master di UPM pada tahun 2017 dalam bidang Master Sastera (Bahasa Melayu). Pada masa yang sama beliau turut mendapat tawaran biasiswa Graduate Research Fellowship (GRF). Sepanjang tempoh pengajian master, beliau turut aktif dengan aktiviti di Fakulti Moden dan Komunikasi, antaranya sebagai sukarelawan dalam mengendalikan Ujian Komunikasi dalam Bahasa Melayu (UKOM), Ahli Jawatankuasa Program Transformasi Ilmu Disleksia pada tahun 2018.

PENERBITAN

Jurnal

Muhammad Amirul Kamarudin, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Nor Azuwan Yaakob. (2021). Speech Act Among Generation Y Students at Universiti Putra Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(7). 645-654.





UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN
HAKCIPTASESI AKADEMIK: SEMESTER KEDUA 2020/2021

TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :

LAKUAN BERBAHASA DALAM PERBUALAN GENERASI Y

NAMA PELAJAR : MUHAMMAD AMIRUL BIN KAMARUDIN

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

*sila tandakan (✓)

SULIT

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran Kepada umum oleh organisasi/institusi di manapenyelidikan telah dijalankan)

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan Diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

PATEN

Embargo dari _____ hingga _____
(tarikh) (tarikh)

Pengesahan oleh:

(Tandatangan Pelajar)
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

(Tandatangan Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan)
Nama:

Tarikh :

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]